


## FAQ APLIKASI MUDAH ALIH MYJPJ

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah aplikasi MyJPJ?	<p>MyJPJ merupakan aplikasi mudah alih yang dibangunkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk kegunaan orang awam membuat transaksi seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Semakan berkaitan Pelesenan Kenderaan seperti nombor terkini dan tarikh tamat Lesen Kenderaan Motor(LKM).</li><li>Semakan berkaitan Pelesenan Pemandu seperti tarikh tamat lesen memandu dan keputusan ujian memandu.</li><li>Semakan berkaitan Saman JPJ seperti mata demerit, saman dan senarai hitam.</li><li>Pautan ke aplikasi bidaan nombor kenderaan(JPJeBid) dan aplikasi nombor giliran (JPJeQ).</li><li>Laporan aduan kesalahan trafik(eAduan@JPJ)</li><li>Paparan LMM dan LKM secara digital di profil pengguna.</li><li>Pembaharuan Lesen Memandu Malaysia (LMM) dan Lesen Kenderaan Motor (LKM) – fungsi baharu pada masa depan yang akan dimaklumkan kelak.</li></ol>
2.	Apakah perkhidmatan yang ditawarkan di aplikasi MyJPJ?	<p>Perkhidmatan yang ditawarkan di aplikasi MyJPJ adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Semakan berkaitan Pelesenan Kenderaan seperti nombor terkini dan tarikh tamat Lesen Kenderaan Motor(LKM).</li><li>Semakan berkaitan Pelesenan Pemandu seperti tarikh tamat lesen memandu dan keputusan ujian memandu.</li><li>Semakan berkaitan Saman JPJ seperti mata demerit, saman dan senarai hitam.</li><li>Pautan ke aplikasi bidaan nombor kenderaan(JPJeBid) dan aplikasi nombor giliran (JPJeQ).</li><li>Laporan aduan kesalahan trafik(eAduan@JPJ)</li><li>Paparan LMM dan LKM secara digital di profil pengguna.</li><li>Pembaharuan Lesen Memandu Malaysia (LMM) dan Lesen Kenderaan Motor (LKM) – fungsi baharu pada masa depan yang akan dimaklumkan kelak.</li></ol>

3.	Siapakah yang boleh menggunakan aplikasi MyJPJ?	Pada ketika ini, aplikasi MyJPJ hanya boleh digunakan oleh individu warganegara Malaysia yang mempunyai ID bagi perkhidmatan dalam talian JPJ.
4.	Bagaimana jika pengguna aplikasi MyJPJ adalah bukan warganegara atau kategori syarikat (bukan individu).	Capaian kepada aplikasi MyJPJ bagi bukan warganegara atau kategori syarikat (bukan individu) sedang dibangunkan dan akan dimaklumkan kelak.
5.	Dimana saya boleh muat turun aplikasi MyJPJ?	Aplikasi MyJPJ ini boleh dimuat turun melalui platform mudah alih Apple App Store, Google Play Store dan Huawei AppGallery.
6.	Adakah saya perlu membayar untuk muat turun aplikasi ini?	Aplikasi MyJPJ adalah PERCUMA untuk digunakan.
7.	Apakah pra-syarat bagi mendaftar ID pengguna (JPJ eID) aplikasi MyJPJ ini?	<p>Pra-syarat bagi mendaftar ID pengguna adalah seperti berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nama Penuh;</li> <li>2. Nombor Kad Pengenalan;</li> <li>3. Alamat emel yang sah;</li> <li>4. Nombor Telefon Bimbit yang sah, dan</li> <li>5. Kod Sekuriti Lesen Memandu Malaysia (*Kod ini boleh didapati di paparan belakang Lesen Memandu pengguna)</li> </ol>
8.	Dimana boleh saya dapatkan Kod Sekuriti Lesen Memandu Malaysia?	<p>Kod Sekuriti boleh didapati pada paparan belakang Lesen Memandu pengguna. Sila rujuk gambar di bawah:</p> 
9.	Bagaimana jika saya tidak mempunyai alamat emel?	Pada ketika ini, akaun emel adalah keperluan mandatori dan pengguna perlu mewujudkan akaun emel baharu bagi tujuan pendaftaran. Emel juga akan digunakan untuk penghantaran kod sekuriti bagi tujuan terlupa kata laluan.

		Pendaftaran ID tanpa akaun emel sedang dibangunkan dan akan dimaklumkan setelah bersedia kelak.
10.	Adakah pengguna perlu mendaftar sebagai pengguna jika ingin menggunakan aplikasi ini?	<p>Ya , pengguna perlu mendaftar JPJeID/ID Awam MySIKAP terlebih dahulu untuk menggunakan aplikasi ini melalui saluran:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Aplikasi MyJPJ (secara dalam talian); atau</li> <li>ii. Portal Awam JPJ (secara dalam talian) Pengguna boleh melayari laman sesawang <a href="https://public.jpi.gov.my/public/login.zul">https://public.jpi.gov.my/public/login.zul</a> untuk mendaftar melalui Portal Awam JPJ; atau</li> <li>iii. Hadir di mana-mana Kios JPJ berdekatan; atau</li> <li>iv. Hadir di Kaunter JPJ berdekatan; atau</li> <li>v. Hadir di mana-mana kaunter bergerak kenderaan JPJ Mobile.</li> </ul>
11.	Bagaimana jika saya ingin mendaftar ID pengguna JPJeID melalui aplikasi MyJPJ ini?	<p>Untuk mendaftar, ikuti Langkah-langkah berikut:</p> <p><b>Langkah 1:</b> Pada paparan Log Masuk, klik pada butang “Daftar Akaun Baharu” untuk mendaftar ID pengguna baharu.</p> <p><b>Langkah 2:</b> Masukkan ID Pengguna di ruangan No. MyKad/MyPR/MyKAS untuk menyemak jika ID yang ingin didaftarkan telah wujud atau belum.</p> <p><b>Langkah 3:</b> Jika ID yang dimasukkan masih belum didaftarkan, pengguna akan terus ke paparan “Daftar Akaun Baharu”.</p> <p><b>Langkah 4:</b> Masukkan butiran pendaftaran seperti arahan yang dipaparkan di skrin dan tandakan di ruangan “Perakuan”.</p> <p><b>Langkah 5:</b> Tekan butang “Hantar” untuk mendaftar.</p> <p><b>Langkah 6:</b> Setelah pendaftaran berjaya, skrin “Log Masuk Kali Pertama” akan dipaparkan. Masukkan butiran seperti arahan yang dipaparkan dan tekan butang “Seterusnya”.</p> <p><b>Langkah 7:</b> Anda akan mendapat mesej <i>popup</i> “Rekod Berjaya Disimpan”. Sila tetapkan kata laluan anda pada halaman seterusnya”. Klik “OK” untuk ke laman Penetapan Kata Laluan.</p>

		<p><b>Langkah 8:</b> Masukkan kata laluan anda mengikut tetapan yang diperlukan. Dan tekan butang “Hantar”.</p> <p><b>Langkah 9:</b> Anda akan menerima mesej “Rekod Berjaya Disimpan. Sila Log Masuk”. Klik pada “OK” di bahagian bawah mesej untuk Kembali ke laman Log Masuk.</p>
12.	Jika saya belum pernah mendaftar JPJeID tetapi mendapat paparan mesej “ID Pengguna telah didaftarkan. Sila log masuk”, apa tindakan yang saya perlu lakukan?	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sila laporkan aduan melalui: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Emel di <a href="mailto:infodigital@jpi.gov.my">infodigital@jpi.gov.my</a></li> <li>b. Talian 03-2724 2522</li> </ol> </li> <li>2. Hadir ke Kios JPJ berhampiran untuk menyemak/mengemaskini emel yang didaftarkan; atau</li> <li>3. Hadir ke kaunter JPJ berhampiran; atau</li> <li>4. Hadir ke kaunter bergerak kenderaan JPJ Mobile berhampiran untuk menyemak/mengemaskini emel yang didaftarkan.</li> </ol>
13.	Bagaimana jika pengguna terlupa kata laluan?	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Klik pautan “Tetapan Semula Kata Laluan” pada paparan log masuk aplikasi.</li> <li>2. Masukkan ID Pengguna dan alamat emel yang didaftarkan.</li> <li>3. Pengguna akan menerima kod sekuriti (TAC) untuk set semula kata laluan.</li> <li>4. Masukkan kod sekuriti (TAC) yang diterima melalui emel.</li> <li>5. Masukkan kata laluan baharu bagi tujuan set semula kata laluan.</li> <li>6. Pengguna akan dibawa ke paparan Log Masuk.</li> <li>7. Masukkan No. MyKad/MyPR/MyKAS pengguna dan kata laluan baharu yang telah dikemaskini.</li> </ol>
14.	Bagaimana jika pengguna terlupa emel yang didaftarkan pada akaun MyJPJ?	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sila laporkan aduan melalui: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Emel di <a href="mailto:infodigital@jpi.gov.my">infodigital@jpi.gov.my</a></li> <li>b. Talian 03-2724 2522</li> </ol> </li> <li>2. Hadir ke Kios JPJ berhampiran untuk menyemak/mengemaskini emel yang didaftarkan; atau</li> <li>3. Hadir ke kaunter JPJ berhampiran; atau</li> <li>4. Hadir ke kaunter bergerak kenderaan JPJ Mobile berhampiran untuk menyemak/mengemaskini emel yang didaftarkan.</li> </ol> <p>Atau,</p>

		Pengguna boleh mengemaskini emel mereka pada pautan <b>Tetapan Semula Emel</b> yang terdapat di laman Log Masuk aplikasi.
15.	Bagaimana saya ingin mengemaskini alamat emel terkini?	<p>Pada ketika ini, berikut adalah kaedah bagi mengemaskini alamat emel terkini;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hadir ke Kios JPJ berhampiran untuk menyemak/mengemaskini emel yang didaftarkan; atau</li> <li>2. Hadir ke kaunter JPJ berhampiran; atau</li> <li>3. Hadir ke kaunter bergerak kenderaan JPJ Mobile berhampiran untuk menyemak/mengemaskini emel yang didaftarkan.</li> <li>4. Mengemaskini alamat emel terkini mereka pada pautan <b>Tetapan Semula Emel</b> yang terdapat di laman Log Masuk aplikasi.</li> </ol>
16.	Adakah sistem membenarkan saya kekal log masuk secara berterusan?	<p>Aplikasi ini menyimpan maklumat log masuk di ruang storan telefon pintar (<i>local storage</i>) dan pengguna tidak perlu log masuk berulang kali.</p> <p>Namun, untuk tujuan keselamatan, pengguna boleh log keluar dari aplikasi MyJPJ pada bila-bila masa.</p>
17.	Saya cuba log masuk tetapi paparan 'loading' lama dan skrin log masuk tidak dipaparkan.	<p>Pada kebiasaannya, isu <i>loading</i> adalah disebabkan rangkaian telefon bimbit pengguna. Sila semak dan pastikan terdapat capaian ke internet daripada telefon bimbit pengguna.</p> <p>Jika masalah ini berlanjutan, sila dapatkan bantuan dengan menghantar butiran aduan melalui:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Emel di <a href="mailto:infodigital@jpi.gov.my">infodigital@jpi.gov.my</a></li> <li>b. Talian 03-2724 2522</li> </ol>
18.	Bagaimanakah saya boleh mendapatkan bantuan teknikal sekiranya menghadapi masalah semasa menggunakan aplikasi ini?	<p>Anda boleh mendapatkan bantuan dengan menghantar butiran aduan melalui:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Emel di <a href="mailto:infodigital@jpi.gov.my">infodigital@jpi.gov.my</a></li> <li>b. Talian 03-2724 2522</li> </ol>
19.	Adakah maklumat peribadi saya yang	Aplikasi MyJPJ merupakan aplikasi yang dibangunkan dan diuruskan sendiri oleh Kerajaan dan Kerajaan memberi

	dimasukkan dalam aplikasi ini selamat?	jaminan bahawa maklumat peribadi anda dilindungi berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
<b>Paparan Digital eLKM dan eLMM</b>		
20.	Apakah Paparan Digital eLKM dan eLMM di aplikasi ini?	Pengguna boleh mendapatkan Lesen Memandu malaysia (eLMM) dan Lesen Kenderaan Motor (eLKM) versi digital di aplikasi MyJPJ.
21.	Bagaimana jika saya ingin mengakses Paparan Digital eLKM dan eLMM saya?	<p>Untuk melihat paparan lesen digital ini, pengguna boleh mengikuti langkah-langkah berikut:</p> <p><b>Langkah 1:</b> Pengguna perlu log masuk ke aplikasi MyJPJ.</p> <p><b>Langkah 2:</b> Pada Halaman Utama, pengguna boleh klik pada ikon <b>Profil</b> di bahagian bawah skrin.</p> <p><b>Langkah 3:</b> Paparan Lesen Memandu digital akan dipaparkan. Jika ingin melihat paparan Lesen Kenderaan Motor, pengguna perlu klik di tab “Lesen Kenderaan Motor”.</p> <p>Senarai Kenderaan bagi “Motersikal” dan “Selain Motersikal” yang didaftarkan di bawah nama pengguna akan dipaparkan pada ruangan ini.</p>
22.	Bagaimana jika saya ingin mengemaskini gambar terkini di paparan lesen saya?	<p>Pada ketika ini, berikut adalah kaedah bagi mengemaskini gambar terkini;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hadir ke kaunter JPJ berhampiran; atau</li> <li>2. Hadir ke kaunter bergerak kenderaan JPJ Mobile.</li> </ol> <p>Pengemaskinian gambar terkini secara dalam talian sedang dibangunkan dan akan dimaklumkan setelah bersedia kelak.</p>
23.	Bolehkah saya mengakses paparan digital jika saya telah log keluar dari aplikasi?	<p>Tidak boleh. Pengguna perlu kekal log masuk bagi mengakses paparan digital eLKM dan eLMM.</p> <p>Fungsi bagi muat turun paparan digital dalam bentuk dokumen sedang dibangunkan dan akan dimaklumkan setelah bersedia kelak.</p>
24.	Bagaimana jika telefon bimbit saya tiada liputan internet?	<p>Paparan digital eLKM dan eLMM masih boleh diakses sekiranya:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengguna tidak log keluar dari aplikasi MyJPJ; dan</li> <li>2. Pengguna pernah mengakses maklumat eLKM dan eLMM di aplikasi MyJPJ semasa mempunyai liputan internet.</li> </ol>

		Fungsi bagi muat turun paparan digital dalam bentuk dokumen sedang dibangunkan dan akan dimaklumkan setelah bersedia kelak.
25.	Jika saya ingin mengakses kepada paparan digital tetapi aplikasi menunjukkan skrin kosong, apa yang saya perlu lakukan?	Anda boleh mendapatkan bantuan dengan menghantar butiran aduan melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Emel di <a href="mailto:infodigital@jpi.gov.my">infodigital@jpi.gov.my</a></li> <li>b. Talian 03-2724 2522</li> </ul>
26.	Jika saya tiada telefon bimbit, bagaimana saya ingin mengakses paparan digital?	Pengguna boleh mengakses paparan digital eLKM dan eLMM di Portal Awam JPJ serta membuat cetakan sendiri di atas kertas/ <i>screenshot</i> salinan eLKM dan eLMM tersebut.
27.	Jika telefon bimbit saya kehabisan bateri, bagaimana saya ingin mengakses paparan digital?	Pengguna boleh mengakses paparan digital eLKM dan eLMM di aplikasi MyJPJ atau Portal Awam JPJ serta membuat cetakan sendiri di atas kertas/ <i>screenshot</i> salinan eLKM dan eLMM tersebut.
28.	Bolehkah jika saya ingin log masuk untuk mengakses paparan digital di telefon bimbit pengguna lain?	Boleh. Pengguna boleh log masuk menggunakan JPJ eID mereka di telefon bimbit yang lain. Walaubagaimanapun, sila pastikan tindakan log keluar dilaksanakan agar paparan digital eLKM dan eLMM tidak kekal diakses di telefon bimbit tersebut.
29.	Jika telefon bimbit saya digunakan oleh orang lain, bolehkah beliau mengakses paparan digital saya?	Sekiranya tindakan log keluar tidak dilaksanakan, paparan digital pengguna boleh diakses oleh orang lain yang menggunakan telefon bimbit pengguna tersebut.
30.	Jika kenderaan adalah bukan milik saya, bagaimana dengan paparan digital eLKM tersebut?	Pemilik kenderaan boleh mengakses paparan digital eLKM di aplikasi MyJPJ atau Portal Awam JPJ serta membuat cetakan sendiri di atas kertas/ <i>screenshot</i> salinan eLKM tersebut untuk dikongsikan kepada orang lain.  Walaubagaimanapun, fungsi pemberian hak akses paparan digital kepada orang lain sedang dibangunkan dan akan dimaklumkan setelah bersedia kelak.
31.	Paparan digital eLMM dan eLKM saya terlalu kecil. Bagaimana jika	Pengguna boleh klik pada ikon Paparan Penuh yang tersedia di bawah paparan digital eLKM dan eLMM anda.

	saya ingin melihat paparan digital tersebut secara penuh?	
32.	Bolehkah saya semak paparan lesen bagi pihak ketiga?	Tidak boleh. Maklumat paparan digital ini adalah dilindungi dengan ID dan Kata Laluan secara individu.
33.	Bolehkah pengguna melihat maklumat insurans Kenderaan mereka?	Boleh. Maklumat tarikh luput insurans dipaparkan bersama maklumat paparan digital eLKM.
34.	Apakah kegunaan kodQR?	Penguatkuasa JPJ dan PDRM akan menggunakan kodQR untuk tujuan penguatkuasaan undang-undang jalan raya khususnya di kawasan yang tiada liputan internet.  Kod ini hanya boleh dibaca oleh perkakasan yang dibekalkan kepada penguatkuasa JPJ/PDRM sahaja.
35.	Apakah maksud bagi status kod qr berkuatkuasa, tidak berkuatkuasa di ruangan paparan digital saya?	Maksud bagi Berkuatkuasa dan Tidak Berkuatkuasa adalah seperti berikut:  i. Berkuatkuasa: LKM/LMM pengguna masih sah dan belum tamat tempoh.  ii. Tidak Berkuatkuasa: LKM/LMM pengguna tidak sah dan sudah tamat tempoh.
36.	Jika Kod QR saya dilabelkan sebagai 'Tidak Berkuatkuasa', apa tindakan yang saya perlu lakukan?	Pengguna boleh membuat pembaharuan melalui:  1. Portal Awam JPJ; atau 2. Hadir ke Kaunter JPJ di cawangan terdekat; atau 3. Hadir ke Kios JPJ di cawangan terdekat – untuk LKM sahaja; dan 4. Hadir ke kaunter kenderaan <i>mobile</i> JPJ terdekat.  Fungsi pembaharuan eLKM dan eLMM secara dalam talian sedang dibangunkan dan akan dimaklumkan setelah bersedia kelak.
<b>Pembayaran Pembaharuan eLKM dan eLMM – akan datang</b>		
37.	Apakah kaedah pembayaran yang diterima di MyJPJ?	Pelanggan boleh membuat pembayaran menggunakan kad kredit atau kad debit tempatan sahaja.  Pembayaran menggunakan <i>bank transfer</i> dan eWallet sedang dibangunkan dan akan dimaklumkan setelah bersedia kelak.



38.	Apakah status pembayaran di aplikasi MyJPJ?	<p>Terdapat tiga(3) status pembayaran di MyJPJ iaitu</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berjaya Bayaran yang berjaya akan disertakan dengan pautan untuk muat turun resit bayaran.</li> <li>2. Pending Semakan semula selepas 15 minit di modul Sejarah Transaksi</li> <li>3. Gagal Bayaran tidak berjaya. Cuba semula selepas 15 minit.</li> </ol>
39.	Bagaimana saya boleh melihat rekod pembayaran terdahulu?	Semakan boleh dibuat di modul Sejarah Transaksi bagi pembayaran di semua saluran (kaunter/portal/MyJPJ/kiosk dll) JPJ untuk tempoh maksimum sehingga dua(2) tahun.

(\*Kemaskini: 17 Februari 2023)